

Batas-batas

kebebasan

Bahan asal dari Arkib

Negara Malaysia

PARA wartawan yang menghadiri jamuan meraikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, malam kelmarin sebenarnya sudah dapat mengagak apa yang akan diucapkan oleh beliau. Bagi mereka, mauduk beliau ialah kebebasan akhbar. Tegas Perdana Menteri kebebasan mutlak bagi akhbar-akhbar sebenarnya tidak wujud di mana-mana pun. Setiap akhbar dibataskan kebebasannya oleh kekangan kepentingan pemilik akhbar itu sendiri dari segi fahaman dan juga ekonominya. Tetapi biasanya orang tidak menganggap batas-batas yang dibina oleh pihaknya sendiri sebagai kekangan. Mereka cuma menuntut kebebasan dari kekangan kepentingan pihak yang lain.

Kesimpulannya, Datuk Seri Dr. Mahathir meminta akhbar-akhbar memainkan peranan yang bebas tetapi bertanggungjawab. Ini juga memang sudah masak dalam pengetahuan para wartawan. Tetapi apakah setengahnya benar-benar mengikutnya adalah perkara lain. Akhir-akhir ini adalah jelas bahawa Kerajaan memberikan kelonggaran yang lebih luas dan bersikap lebih lembut terhadap segala kritik akhbar-akhbar.

Bagaimanapun nampaknya sikap lembut Kerajaan itu telah mulai disalahgunakan. Berikutan dengan Laporan Akauntan Negara 1977, berbagai pendedahan mengenai kelemahan pentadbiran setengah-setengah agensi Kerajaan seperti yang terdapat dalam Laporan itu telah disiarkan. Tidak cukup dengan itu setengah-setengah akhbar membuat pembongkaran sendiri yang lebih hebat, walaupun kebenarannya masih boleh dihujjah. Kini seolah-olah cuma perkara yang buruk sajalah yang dapat dipanggil sebagai berita. Akibatnya, seperti yang dinyatakan oleh Perdana Menteri, gambaran yang didapati ialah seolah-olah tidak ada suatu perkara yang baik pun yang pernah berjaya dilaksanakan oleh Kerajaan.

Demikian juga, unsur-unsur kekangan diri sendiri demi kepentingan perpaduan sedikit sebanyak mulai dilupakan. Setengah-setengah akhbar nampaknya sengaja membesar-besarkan berita atau kenyataan yang boleh menyentuh perasaan sensitif perkauman. Tuntutan-tuntutan yang keterlaluan cuba diberi kesahihan dengan membelakangkan persefahaman asal serta latarbelakang sejarahnya dan memutar-belitkan tafsiran perlembagaan.

Tidak syak lagi akhbar-akhbar berkenaan boleh mencapai matlamat kepentingan dirinya sendiri iaitu menambah bilangan edaran. Tidak juga dinafikan sebahagian dari pendedahan itu membantu Kerajaan melicinkan pentadbiran. Tetapi akibat yang lebih buruk bukanlah tidak ada. Kerana itulah para wartawan wajar diingatkan semula tentang tanggungjawab mereka. Negara, kata Dr. Mahathir, memerlukan tempoh setabil untuk memperteguh kejayaannya dan membentuk nilai serta etika bekerja bagi menjadikan Malaysia negara yang kuat dan maju. Oleh kerana akhbar adalah pembentuk fikiran masyarakat, kealpaan terhadap peranannya yang bebas tetapi bertanggungjawab akan hanya menggagalkan segala harapan ini.